



UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

**KRITIK SOSIAL DALAM PASAR PENGALAMAN OLEH T. ALIAS
TAIB**

A. RAHMAN BIN HARON.

FBMK 2005 4



KRITIK SOSIAL DALAM PASAR PENGALAMAN OLEH T. ALIAS TAIB

Oleh

A. RAHMAN BIN HARON

**Tesis ini Dikemukakan Kepada Sekolah Pengajian Siswazah, Universiti
Putra Malaysia, Sebagai Memenuhi Sebahagian Keperluan
Untuk Ijazah Master Sastera**

Oktober 2005



DEDIKASI

Kalungan kasih buat isteri, Rafidah bt. Abd. Malik dan anak-anak, Nuur Rashidah, Nuur Maisarah, Muhammad Faris Syahmi dan Nuur Humaira. Kalian sumbu pelita hatiku menyemarakkan semangat juang menyelesaikan tesis ini. Waktu senggang terpaksa direnggut menelaah, menghadiri kuliah dan mencari bahan ilmiah ke arah merealisasikan tesis ini.

Untaian kasih buat bonda Hasnah bt. Hassan dan Nor Aminah bt. Mohamad Taib. Doa restu kalian berkahku mengatur langkah meniti kehidupan sebagai mahasiswa. Sedondong Al-Fatihah buat kedua ayahanda, iaitu Haron bin Salim dan Abd. Malik bin Abd. Talib kerana tidak berkesempatan menatap lakaran sejarah anakanda dalam kehidupan di alam maya ini.

Jambangan kasih buat kaum keluarga yang memberikan sokongan padu ke arah penjanaan impian menggapai gulungan ijazah sarjana. Gelombang kehidupan masakini menuntut ke arah pendambaan ilmu.

Kuntuman kasih buat rakan-rakan kuliah seperjuangan yang banyak memberi idea dan buah fikiran ke arah menyelesaikan tugas latihan ilmiah. Catatan sejarah mewarnai kanvas kehidupan kita selama berada di kampus.

Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Sekolah Pengajian Siswazah, Universiti Putra Malaysia sebagai memenuhi keperluan untuk Ijazah Master Sastera.

**KRITIK SOSIAL DALAM *PASAR PENGALAMAN* OLEH
T. ALIAS TAIB**

Oleh

A. RAHMAN BIN HARON

Oktober 2005

Pengerusi : Arba'ie bin Sujud, PhD

Fakulti : Bahasa Moden dan Komunikasi

Kajian ini merupakan satu analisis tentang kritik sosial yang dipaparkan oleh T. Alias Taib dalam kumpulan puisi beliau, iaitu *Pasar Pengalaman* yang diterbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka pada tahun 2004.

Objektif kajian ini ialah menganalisis sajak-sajak, membincang atau menghuraikan pengungkapan kritik sosial yang digarap oleh T. Alias Taib. Sajak-sajaknya disaring dari kumpulan puisi berkenaan dan sajak yang paling dominan kritik sosialnya dinyatakan dalam kajian ini.

Kritik sosial yang dipaparkan melalui puisinya menampilkan kematangan T. Alias Taib memanfaatkan segala khazanah pengalaman menggambarkan perlakuan tindakan individu mahupun perkumpulan yang cenderung ke arah tindakan negatif dan perlu ke arah pembaikan atau tindakan yang lebih rasional.

Penulis menggunakan kaedah kepustakaan bagi membuat analisis kajian. Penulis juga menggunakan kaedah lapangan dengan mewawancara T. Alias Taib tentang penglibatan beliau di bidang kesusasteraan sebelum beliau meninggal dunia. Penulis turut mewawancara isterinya, iaitu Puan Salmah binti Ayub untuk mendapatkan gambaran dari sudut pandangan beliau tentang T. Alias Taib.

Berdasarkan penelitian sajak-sajak T. Alias Taib, didapati bahawa kritik sosial yang diungkap meliputi lima aspek. Aspek berkenaan, iaitu teguran terhadap individu mahupun kumpulan yang menyimpang dari landasan agama dan norma masyarakat. Seterusnya memperlihatkan kebijaksanaan seseorang dalam membuat pertimbangan. Aspek lain turut memperlihatkan kesedaran yang lahir dari jiwa atau dalaman diri individu. Rangsangan dalam membuat tindakan yang matang dan menganalisis isu-isu semasa merupakan aspek kritik sosial yang berikutnya.

Kritikan yang dibuat menampakkan kematangan T. Alias Taib mengadun pengalaman berdasarkan pemerhatian dan pengamatannya terhadap masyarakat sekeliling. Beliau juga memperlihatkan pandangan menerusi sajak-sajak yang dihasilkan.

Abstract of thesis presented to Graduate School, Universiti Putra Malaysia
in fulfilment of the requirements for the degree of Master of Arts

**T. ALIAS TAIB'S SOCIAL CRITIQUE IN
*PASAR PENGALAMAN***

By

A. RAHMAN BIN HARON

October 2005

Chairman : Arba'ie bin Sujud, PhD
Faculty : Modern Language and Communication

This research is an analysis on the social critique presented by T. Alias Taib through his collection of poetry *Pasar Pengalaman* which was his latest and last before he died. The collection was published by Dewan Bahasa dan Pustaka in 2004.

The objective of this research is to analyse the poetry, discuss and summarise the piece of social critique penned down by T. Alias Taib. His poems were selected from the collection of poetry and the poem with the most dominant social critique is mentioned in this research.

The maturity of T. Alias Taib is very much brought to the fore in this social critique presented through his poetry. His vast treasure of experience is used to benefit the public. His message showed the behaviour and actions of both individuals and groups that are prone to the

negative side. It also conveyed the need to turn towards improvement and more rational actions.

This writer applied the 'library method' in completing this research analysis. Besides that, this writer managed to meet and interview the poet T. Alias Taib to obtain information about his involvement in the literary world before he died. His wife was also interviewed by the writer, who wanted to obtain her viewpoint on T. Alias Taib and his collection of poetry.

Based on the examination of T. Alias Taib's poems, his social critique consisted five aspects. The aspect on advice is for the individual or group that moves away from the religious path and norms of society. Consequently, the next aspect is the intelligence of a person in making decisions. Other aspects are the awareness that comes from the soul of an individual, and the stimulus in taking the mature step and analysing current issues.

The maturity of T. Alias Taib is clearly seen in this critique in which he infused his experience based on his observations on society. He also shared his viewpoints and thoughts with society through the poems that he had written.

PENGHARGAAN

Alhamdulillah dengan izin dan inayah-Nya dapat juga tesis ini disempurnakan dalam jangka waktunya. Sebelum itu disedekahkan Al-Fatihah buat Allahyarham T. Alias Taib yang telah kembali kerahmatullah dan semoga rohnya bersemadi dengan tenang di sana.

Penghargaan dan terima kasih yang tidak terhingga kepada Puan Salmah bt. Ayub dan anak-anak yang telah memberikan kerjasama menyalurkan maklumat yang berguna serta kebenaran penggunaan perpustakaan mini Allahyarham T. Alias Taib untuk dititip dan dicarigali ilmu yang bermanfaat darinya.

Penghargaan dan terima kasih yang tidak terhingga kepada jawatankuasa penyeliaan, iaitu Dr. Arba'ie bin Sujud dan Dr. Samsina bt. Abd. Rahman yang tidak jemu-jemu memberi pandangan dan nasihat serta bimbingan yang berguna ke arah penghasilan tesis ini.

Ucapan terima kasih juga buat semua pensyarah yang telah mengajar dan membimbing selama berada di kampus ini. Buat rakan-rakan dan semua pihak yang memberikan sumbangsaran dan buah fikiran ke arah merealisasikan tesis ini, ucapan terima kasih turut dirakamkan.

A. RAHMAN BIN HARON
Taman Semenyih Indah, Semenyih.



Saya mengesahkan bahawa Jawatankuasa Pemeriksa bagi A. Rahman Haron telah mengadakan peperiksaan akhir pada 6 Oktober 2005 untuk menilai tesis Master Sastera yang bertajuk "Kritik Sosial dalam *Pasar Pengalaman* oleh T. Alias Taib" mengikut Akta Universiti Pertanian Malaysia (Ijazah Lanjutan) 1980 dan Peraturan-Peraturan Universiti Pertanian Malaysia (Ijazah Lanjutan) 1981. Jawatankuasa Pemeriksa memperakukan bahawa calon ini layak dianugerahi ijazah tersebut. Anggota Jawatankuasa Pemeriksa adalah seperti berikut:

ABDUL RASHID DAING MELEBEK, PhD

Pensyarah
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Pengerusi)

AHMAD MAHMOOD MUSANIF, PhD

Profesor Madya
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Pemeriksa Dalam)

HJ. ABDUL RAHIM MARASIDI, PhD

Pensyarah
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Pemeriksa Dalam)

MOHAMAD MOKHTAR ABU HASSAN, PhD

Profesor Madya
Jabatan Kesusasteraan Mejayu
Universiti Pendidikan Sultan Idris
(Pemeriksa Luar)



ZAKARIAH ABD. RASHID, PhD

Profesor / Timbalan Dekan
Sekolah Pengajian Siswazah
Universiti Putra Malaysia

Tarikh: **22 NOV 2005**



Tesis ini telah diserahkan kepada Senat Universiti Putra Malaysia dan telah diterima sebagai memenuhi sebahagian keperluan untuk ijazah Master Sastera. Ahli Jawatankuasa Penyeliaan adalah seperti berikut:

ARBA'IE SUJUD, PhD
Pensyarah
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Pengerusi)

SAMSINA ABD. RAHMAN, PhD
Pensyarah
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Ahli)



AINI IDERIS, PhD
Profesor / Dekan
Sekolah Pengajian Siswazah
Universiti Putra Malaysia

Tarikh : 08 DEC 2005



PERAKUAN

Saya mengaku bahawa tesis ini adalah hasil kerja saya yang asli melainkan petikan dan sedutan yang telah diberi penghargaan di dalam tesis. Saya juga mengaku bahawa tesis ini tidak dimajukan untuk ijazah-ijazah lain di Universiti Putra Malaysia atau institusi-institusi lain.



A. RAHMAN HARON

Tarikh : 14.11.2005

JADUAL KANDUNGAN

		Halaman
	DEDIKASI	ii
	ABSTRAK	iii
	ABSTRACT	v
	PENGHARGAAN	vii
	PENGESAHAN	viii
	PERAKUAN	ix
	SENARAI RAJAH	xiii
	SENARAI JADUAL	xiv
	SENARAI SINGKATAN	xv
BAB		
I	PENDAHULUAN	
	Pengenalan	1
	Latar Belakang Pengarang dan Kepengarangan T. Alias Taib	18
	Pernyataan Masalah	31
	Objektif Kajian	33
	Kepentingan Kajian	33
	Pemilihan Bahan dan Batasan Kajian	35
	Definisi Operasional	37
	Kritik Sosial	37
II	SOROTAN LITERATUR	42
	Kajian-Kajian Berkaitan T. Alias Taib	42
	Kesimpulan	47
III	METODOLOGI KAJIAN	49
	Kaedah Kajian	49
	Pengumpulan Data	50
	Analisis Data	51
	Kerangka Teori dan Konseptual	52
	Kesimpulan	60
IV	ANALISIS DAN PERBINCANGAN	
	Kritik Sosial Berhubung Dengan Nilai Diri	66
	Kritik Sosial Berhubung Dengan Isu Semasa	121

V	KESIMPULAN	138
	Cadangan	139
	Penutup	141
	BIBLIOGRAFI	144
	LAMPIRAN	152
	BIODATA PENULIS	164

SENARAI RAJAH

Rajah		Halaman
1	Kerangka Aplikasi Analisis	40
2	Kerangka Pendekatan Sosiologi	62
3	Persamaan Kerangka Aplikasi Analisis dan Pendekatan Sosiologi	63

SENARAI JADUAL

Jadual	Halaman
1 Jumlah Sajak Kritik Sosial Kumpulan Puisi <i>Pasar Pengalaman</i>	36

SENARAI SINGKATAN

R	-	Rangkap
B	-	Baris
PP	-	Pasar Pengalaman
SK	-	Seberkas Kunci
PC	-	Petang Condong
S.W.T.	-	Subhanahu Wataala
s.a.w.	-	Sallahu Alaihi Wassalam

BAB SATU

PENDAHULUAN

PENGENALAN

Puisi merupakan salah satu medium yang boleh digunakan oleh penyair untuk memaparkan fenomena kehidupan masyarakat. Berdasarkan penelitian atau pemerhatian oleh seseorang penyair, baharulah sesuatu perkara diterjemahkan dalam bentuk karya dan sebahagiannya membicarakan tentang kritik sosial.

Menurut Dharmawijaya (1988 : 51) kritik sosial menerusi genre sajak paling awal ditemukan ialah sajak "Angan-angan dengan Gurindam" karya Omar Mustaffa (*Utusan Melayu*, 18 Januari 1913). Sajak berkenaan diperlihatkan oleh pengarangnya secara lantang menyuarakan persoalan ekonomi dan politik bagi mewujudkan kesedaran kepada anak bangsa yang lena dibuai mimpi sedangkan tanah air sendiri yang mewah dengan pelbagai sumber pendapatan seperti getah dan bijih timah dinikmati hasilnya oleh bangsa lain. Hal tersebut dapat dilihat menerusi sajaknya pada r : 1 , b : 6 - 12, iaitu:

Mengapa dibiarkan bangsa lain mengambil bijih kita?
Bangkitlah bangkit
Tidakkah ingat menjadi kaya denganangat?
Mengapa dibiarkan bangsa lain bertanam getah di tanah kita?
Bijih dan getah! Bijih dan getah!

Selain sajak, kritik sosial juga terdapat dalam karya prosa. Menurut Hashim Awang (1975 : 172 - 173) Abdullah Munsyi adalah orang pertama yang membuat kritik sosial terhadap masyarakat Melayu melalui *Hikayat Abdullah* dan *Kisah Pelayaran Abdullah*. Hasil karyanya bersifat 'kritis' dan 'memberontak'. Pendapat ini selari dengan pandangan Muhammad Haji Salleh (1999 : 357 - 362) iaitu pada tahun 1800-an, Abdullah Munsyi telah menggunakan ketajaman mata pena membuat kritik sosial terhadap masyarakat.

Menurut Kassim Ahmad pula (1981 : v - xvii), Abdullah Munsyi telah melakukan kritikan terhadap kemunduran atau kemiskinan masyarakat Melayu kerana kemalasan melakukan pekerjaan akibat susunan masyarakat feudal yang menindas golongan bawahan. Barangan milik mereka dirampas atau terpaksa dibahagi dua jika memperoleh harta yang banyak. Keburukan sosial masyarakat Melayu pada waktu itu antaranya berjudi, bermadat dan pelacuran. Kelakuan zalim raja dan para pembesar Melayu terhadap rakyatnya dikritik oleh Abdullah Munsyi melalui tulisannya yang tajam dan sinis.

Selain Abdullah Munsyi, pada tahun 1800-an juga didapati Tuan Simi melakukan kritik sosial terhadap masyarakat menerusi genre syair (Muhammad Haji Salleh, 1999 : 357 - 362). "Syair Dagang Berjual-Beli" hasil karya Tuan Simi sebagaimana berikut :

Akan halnya kita Bugis dan Melayu,
Harapkan orang putih juga selalu,
Hukum bicaranya kelihatan terlalu,

Mulut disuap pantat disumbu.

Khabarnya orang putih adil bicara,
Meng(h)ukum memeriksa tiada bercidera,
Rupanya sekalian hukum pura-pura.

Syair tersebut ditujukan kepada masyarakat Melayu yang dimalukan dari segi perdagangan dengan orang putih. Orang putih berpura-pura berdagang tetapi sebenarnya mempunyai agenda yang tersendiri terhadap Tanah Melayu. Hai ini dapat dilihat menerusi r : 1 dan 2, b : 3 yang berbunyi, 'Hukum bicaranya kelihatan terlalu' dan 'Rupanya sekalian hukum pura-pura'. Tuan Simi juga melakukan kritik sosial terhadap golongan istana menerusi "Syair Tuanku Perabu" (Muhammad Haji Salleh, 1999 : 357 - 362) . Hal ini dapat dilihat menerusi syairnya, iaitu :

Dari halnya Sultan raja yang asli,
Gagap dan buta lalai dan tuli,
Beberapa dipersembahkan ke bawah duli,
Sedikit pun tidak baginda peduli.

Syair tersebut mengkritik Sultan yang tidak mengendahkan nasihat para pembesar. Nasihat yang diberi berkenaan kepincangan dan kelemahan yang terdapat dalam urusan pentadbiran negara. Jika keadaan sedemikian berterusan akan membawa kehancuran kepada sesebuah negara.

Selain sajak, karya prosa dan syair, cerpen dan novel juga tidak ketinggalan dijadikan wadah untuk kritik sosial terhadap masyarakat.

“Kecelakaan Pemalas” oleh Nur Ibrahim (Madrasi) (*Pengasuh*, 4 Februari 1920) mengemukakan kritik sosial terhadap masyarakat yang tidak tahu membaca. Berbagai masalah timbul disebabkan tidak tahu membaca seperti tidak tahu arah tempat yang hendak dituju dan masa banyak terbuang di perjalanan kerana asyik bertanya orang tempat berkenaan untuk dituju. Selain itu sering ditimpa musibah kerana memasuki tempat atau kawasan larangan disebabkan tidak tahu membaca. Surat-surat yang dikirimkan terpaksa meminta bantuan orang lain membacanya dan sukar mendapatkan pekerjaan. Itulah antara kritik sosial awal melalui genre cerpen pada period 1920-an.

Ahmad Kamal Abdullah dalam Hamzah Hamdani (1982 : 52 - 68) mengatakan pada tahun 1937, Ishak Haji Muhammad memperlihatkan kritik sosial terhadap masyarakat menerusi novel *Putera Gunung Tahan*. Sementara S. Othman Kelantan (1997 : 118) mengatakan novel *Putera Gunung Tahan* mengutarakan kritik sosial dengan menyindir, menempelak dan mengejek penjajah Barat, termasuk orang temama dan golongan bangsawan Melayu. Sikap penjajah yang tidak memahami adat kebudayaan orang Melayu dan penerimaan campurtangan orang Inggeris ke atas Tanah Melayu telah mendapat tentangan yang hebat oleh masyarakat.

Kritik sosial yang telah disusurgalur adalah merujuk kepada kritik sosial terawal mengikut genre. Berbalik kepada genre sajak, terdapat sajak-sajak yang menggambarkan kemiskinan dan kemelaratan hidup rakyat di

kala itu. Puisi "Kepada Kaum Tani" karya Thaharudin Ahmad (*Semangat Asia*, Julai 1943) mengutarakan kritik sosial dengan menyeru rakyat bekerja kuat untuk mendapatkan bahan makanan. Gambaran saranan tersebut, iaitu:

Sepanjang masa setiap saat
Membanting tulang tak kenal penat
Dengan gembira dan bersemangat
Bekerja rajin tekun dan taat.

Sungguh mulia usaha tuan
Memperbanyak benda makanan
Yang menjadi tiang keamanan
Supaya tercipta kemakmuran.

Takkan sia-sia tulang dibanting
Bukan percuma peluh mengalir
Usaha tuan tak dapat dibanding
Terhadap bangsa dan tanah air.

Sajak tersebut menyeru rakyat bekerja kuat dan melalui usaha gigih mereka akan dapat menambah hasil ekonomi keluarga. Seterusnya peranan yang dimainkan oleh rakyat dengan paduan tenaga akan dapat membangunkan sumber ekonomi negara.

Sementara Kasmani Haji Arif pula menyampaikan sajaknya "Pertanyaan Sukma" (*Warta Jenaka*, 1 Februari 1937) dengan nada penyampaian rasa marah, menegur dan memprotes untuk menimbulkan rasa kesedaran ke arah perjuangan bangsa. Berikut adalah sajak nukilan beliau :

'Sedih....'
Bagaimana air

Tak mendidih?
Sedang tenang
Dalam tempayan
Dilumba api
Setiap petang.

Bagaimana hati
Tak sedih?
Buah lebat
Dalam taman
Habis dijolok
Orang datang?

Sajak berkenaan dengan kritik sosial terhadap masyarakat Melayu yang membiarkan hasil negara dikaut oleh bangsa lain. Hasil negara yang begitu banyak dinikmati oleh bangsa asing tanpa masyarakat Melayu menyedari akibatnya kepada ekonomi negara.

Terdapat juga puisi yang mengemukakan kritik sosial tentang persoalan bahasa, iaitu puisi "Bahasa dan Bangsa" karya Muhammad Hassan Abdul Wahab (*Sinaran Matahari*, 24 Ogos 1942). Puisinya:

Bahasa boleh melemahkan pedang
Menewaskan musuh yang masih gadang
Bahasa puja bukan kepalang
Patutlah kita menaruh pandang.

Oh bahasa, kamulah senjata
Kepada kamu aku bercinta
Dengan kamu aku meronta
Buat menjaga bangsa dan nusa.

Kritik sosial yang diperlihatkan menerusi sajak di atas tentang perlunya semangat kesedaran bangsa Melayu agar mencintai bahasa Melayu sepenuhnya. Sikap mencintai bahasa adalah sama penting malah seiring

dengan perjuangan menegakkan kedaulatan bangsa dan tanah air.

Pada period pemerintahan Jepun, sajak-sajak yang digambarkan oleh penyair ketika itu lebih ketara menyarankan sikap optimis dan nada patriotik. Ahmad Kamal Abdullah *et. al.* (1990 : 22 - 23) mengatakan suasana pesimisme dan melankolik telah berganti dengan suasana yang idealistik, didaktik dan propagandistik. Puisi-puisi yang dilahirkan menyeru masyarakat berpandangan jauh dengan bangkit menentang penjajah dan tidak lagi berunsur cinta dan kasih-sayang. Begitu juga dengan perkembangan sajak dalam tahun 1950-an. Sajak-sajak yang dilahirkan mempunyai hubungan erat dengan kesan pemerintahan Jepun. Persoalan dalam period kali ini juga ke arah semangat perjuangan dan penyajak menanamkan bibit-bibit semangat menentang penjajah melalui karya mereka.

Utusan Zaman dan *Mastika* adalah dua buah penerbitan penting yang menyiarkan sajak. Kebetulan pula dipimpin oleh tokoh-tokoh ASAS 50, iaitu Keris Mas, Asraf dan Usman Awang menyiarkan sajak-sajak yang berbaur kepentingan alat perjuangan melalui bahasa dan kesusasteraan. Puisi-puisi Masuri S.N., Usman Awang dan Awam-il-Sarkam membawa teriakan kemerdekaan, nasib rakyat golongan petani, nelayan dan buruh, lantang menuntut keadilan, menghapuskan penindasan dan membasmi kemiskinan. Itulah antara kritik sosial yang diutarakan oleh para penyair pada period 1950-an. Tidak ketinggalan, penyair-penyair yang baru muncul tetapi bergerak di luar ASAS 50

seperti Suhaimi Haji Muhammad, Halim Anuar, Afrini Adham dan Mokhtar Yassin juga turut menyuarakan persoalan yang sama.

Penyajak-penyajak di luar ASAS 50 ini turut menulis sajak-sajak perjuangan menyatakan simpatinya kepada golongan yang tertindas dan peka kepada soal-soal kemasyarakatan dan kemanusiaan (Ahmad Kamal Abdullah *et. al.*, 1990 : 43). Halim Anuar dengan sajaknya “Peduli Apa” (*Mastika*, Disember 1953) memperlihatkan kritik sosial kepada pihak pemerintah yang berbau nada protes, iaitu :

Peduli apa pada mereka
yang kita pertaruhkan seribu harapan
kalau begini tiupan melanda
mari kita bentuk peribadi tinggi
berdiri dan berharap pada diri
meminta sejarah kehidupan manusia baru.

Sajak yang dikemukakan oleh Halim Anuar adalah kritikan secara langsung kepada penjajah dan menyeru ke arah kebangkitan semangat nasionalisme di tanah air. Sementara kritik sosial oleh Suhaimi Haji Muhammad menerusi sajak “Kawanku” (“Dokumentasi Penulis”, 1956) juga ditujukan kepada pihak penjajah, iaitu :

Kami sama berjalan menembus kegelapan
hujan membeku keadaan, kapal-kapal berkakuan.

Kawanku dihentam paluan
darah merah menitis jalan.

Perjumpaan di sini gementar dalam malam
mengelepar dan syaitan.

Dunia di sini membekukan

aku bosan. Terlalu bosan.

Kawanku luka, tergiring ke hujung malam
darah merah hanya kelihatan.

Kata-kata yang digunakan oleh Suhaimi seperti 'kawanku dihentam paluan', 'darah' dan 'kawanku luka' cuba memperlihatkan kritik sosialnya kepada penjajah yang bersikap zalim kepada masyarakat yang menentang secara terang-terangan pihak penjajah. Sikap bencikan penjajah tersemat di hati pejuang tanah air.

Keseluruhan sajak yang dihasilkan pada period 50-an adalah realistik dan ada hubungannya dengan sifat kritikan pada waktu itu. Sajak-sajak pada period tersebut memaparkan keadaan sebenar peristiwa yang berlaku. Asraf giat membuat kritikan sajak dalam *Mastika* dengan pendekatan slogannya 'Seni Untuk Masyarakat'. Makalahnya berjudul "Nilai Sastera" (*Mastika*, Ogos 1950) menegaskan kriteria karya yang mempunyai nilai sastera, iaitu :

... ialah yang dapat memberi gambaran yang nyata tentang hidup, tentang masyarakat, tentang dunia umumnya, dan gambaran yang nyata itu akan dapat membuka mata pembaca terhadap segala yang berlaku di sekelilingnya.

Mokhtar Yassin dengan sajaknya "Sepasang Lembu Tua" (*Titian Zaman* : 108) didapati mengemukakan kritik sosial terhadap masyarakat yang malas bekerja dengan nada sinis dan halus mencengkam perasaan. Sajaknya, iaitu :